



**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**KENYATAAN AKHBAR YB. MENTERI KERJA RAYA**  
**SEMPENA LAWATAN KERJA KERJA KE JALAN-JALAN ROSAK**  
**AKIBAT BANJIR DI DAERAH DUNGUN DAN KUANTAN**  
**PADA 25 HINGGA 26 JANUARI 2014**

---

Kementerian Kerja Raya prihatin dan bersimpati dengan kesusahan yang ditanggung oleh rakyat khususnya bagi penduduk-penduduk di negeri Pahang, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak yang dilanda bencana banjir pada penghujung tahun 2013 dan awal tahun 2014.

Pada masa ini, Kementerian Kerja Raya sedang mengenalpasti kemudahan infrastruktur jalan seperti jalan raya, longkang, pembentung, jambatan dan cerun di Jalan Persekutuan yang telah mengalami kerosakan dan perlu dibaikpulih dengan kadar segera. Kerja-kerja pembaikan ini dijangka dilaksanakan dengan kadar segera bergantung kepada keadaan cuaca setempat bagi memastikan kualiti pembaikan yang sempurna.

Sehingga kini, Kementerian telah mengenalpasti anggaran kos pembaikan kerosakan Jalan Persekutuan akibat banjir di beberapa negeri melibatkan peruntukan sebanyak RM56.9 juta iaitu RM41.5 juta di Pahang, RM10.3 juta di Terengganu dan RM5.1 juta di Johor.

Kementerian Kerja Raya juga telah melaksanakan tindakan pro aktif dengan menubuhkan Pusat Pengurusan Bencana JKR dan meninjau keadaan jalan-jalan persekutuan yang rosak akibat banjir pada tahun ini. Untuk itu, pihak kementerian sentiasa memantau pelaksanaan dengan memastikan pihak JKR dan syarikat konsesi jalan Persekutuan menyegerakan penampalan sebarang '*pothole*' yang boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

Kementerian ini telah mengenal pasti salah satu faktor yang mengakibatkan kejadian banjir berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan sistem pembentung sedia ada yang tidak berupaya menampung dan mengalir jumlah air hujan yang banyak pada satu-satu masa. Untuk itu, pada tahun 2013 Kerajaan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM150 juta bagi menaiktaraf pembentung jenis *Corrugated Metal Pipe* (CMP) sebanyak 258 buah di Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Sebanyak 255 daripada 258 buah CMP telah siap dilaksanakan pada penghujung tahun 2013 manakala 3 buah CMP lagi dijangka akan siap pada bulan Mac 2014.

Adalah diharapkan dengan adanya pelaksanaan penggantian atau naiktaraf kesemua pembetong ini, kejadian banjir seperti yang berlaku pada tahun penghujung tahun 2013 dan awal 2014 dapat dikurangkan. Oleh yang demikian, kerjasama orang ramai adalah dipohon supaya bersama-sama memelihara aset ini dengan tidak membuang sampah ke dalam longkang yang akhirnya boleh menyekat pengaliran air.

Pihak Kementerian juga sentiasa memantau keadaan cerun di seluruh Malaysia. Sehingga kini sebanyak 21 ribu cerun telah dikenalpasti dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 ribu cerun yang berisiko sangat tinggi, tinggi dan sederhana telah dikenalpasti dan dipantau secara konsisten oleh Kementerian di bawah Unit Kejuruteraan Cerun, JKR. Orang ramai juga diingatkan supaya prihatin terhadap cerun-cerun di kawasan perumahan atau rumah–rumah dipinggir-pinggir bukit yang dapat mengundang risiko tanah runtuh. Pihak Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR telah menggariskan panduan bagi mengenalpasti cerun-cerun dikawasan perumahan untuk panduan keselamatan orang ramai.

Dengan adanya kesemua usaha-usaha yang telah dinyatakan, ternyata Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin dan komited dalam usaha memastikan rakyat memperoleh manfaat hasil daripada untuk kemajuan infrastruktur negara.

Sekian, terimakasih.

**YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**25 JANUARI 2014**